

26/07/2001

Pengguna bermaklumat elak dieksploitasi

Karim Sulaiman

PENGGUNA perlu tahu hak dan tanggungjawab mereka kerana segala keputusan berhubung kepenggunaan terletak di tangan mereka sendiri. Oleh itu, pengguna perlu diberi maklumat dan melengkapkan diri mereka dengan maklumat kepenggunaan supaya tidak dieksploitasi oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Tanpa pengetahuan dan maklumat lengkap, pengguna dengan mudah ditipu atau mempertahankan hak mereka sebagai pengguna berkesan.

Pengguna yang bermaklumat bukan saja dapat memberi faedah kepada diri sendiri, malah lebih penting menyumbang kepada pelbagai aspek kepenggunaan bagi kepentingan negara.

Sehubungan itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memilih Pengguna Bermaklumat, Negara Bermanfaat sebagai tema Hari dan Minggu Pengguna Kebangsaan 2001. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melancarkan program itu di Kuala Lumpur, hari ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata tema itu dipilih kerana kerajaan yakin hanya pengguna yang tahu hak dan tanggungjawab mereka berupaya melindungi diri daripada dieksploitasi oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Katanya, jika pengguna tahu hak dan tanggungjawab mereka, ini bermakna negara akan turut mendapat manfaat kerana suasana dan hubungan yang harmoni antara pengguna dan masyarakat peniaga atau pihak industri akan turut terjalin.

"Ini akan mewujudkan suasana perdagangan sihat di negara kita. Manfaatnya bukan saja kepada masyarakat di negara ini, malah akan menarik lebih ramai pelabur ke Malaysia.

"Perkara ini penting kerana dalam keadaan ekonomi sekarang, kita amat memerlukan keyakinan pengguna untuk berbelanja bagi menggerakkan ekonomi negara.

"Kerajaan juga tidak perlu lagi membelanjakan wang dan masa yang terlalu banyak untuk melaksanakan penguatkuasaan, tetapi lebih menumpukan kepada pembangunan dan pendidikan kepenggunaan," katanya.

Kerajaan menyedari bahawa usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai hak dan ilmu kepenggunaan tidak hanya terletak di bahu kerajaan semata-mata.

Setiap anggota masyarakat perlu berfungsi dalam melengkapkan diri masing-masing dengan pengetahuan dan pelbagai ilmu ke arah itu.

Perkara itu bertambah penting dengan kemudahan teknologi yang semakin berkembang dan limpahan maklumat tanpa sempadan yang memerlukan pengguna memiliki ilmu untuk berdaya saing dengan orang lain.

Hari dan Minggu Pengguna kali ini cukup bermakna bagi rakyat Malaysia kerana mulai tahun ini disambut pada 26 Julai, tidak seperti kebiasaannya pada 15 Mac.

Malaysia yang mula menyambut Hari Pengguna pada 1992 buat pertama kalinya menyambut Hari dan Minggu Pengguna pada tarikh itu, selaras saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan kita mempunyai Hari Pengguna bersifat keMalaysiaan dan lebih memberikan tumpuan kepada isu pengguna tempatan.

Tanggal 26 Julai dipilih kerana pada tarikh itu Akta Perlindungan Pengguna 1999 dibentangkan di Parlimen.

Sambutan Hari dan Minggu Pengguna penting bagi memupuk kesedaran kepenggunaan positif di kalangan semua anggota masyarakat di negara ini.

Ia juga dapat mewujudkan persefahaman dan kerjasama erat di antara peniaga, pengguna, kerajaan dan media dalam aspek kepenggunaan yang boleh membantu negara mencapai wawasan 2020.

Muhyiddin berkata, tahap kesedaran pengguna di negara ini semakin meningkat berbanding sebelumnya.

Ini terbukti melalui penubuhan pelbagai persatuan baru untuk melindungi kepentingan pengguna.

Selain itu, katanya, pertanyaan dan maklum balas serta aduan yang dikemukakan kepada kementerian bertambah. Ini menunjukkan bahawa pengguna di negara ini peka dengan hak mereka.

Contoh paling nyata ialah melalui kes yang didaftarkan ke Tribunal Tuntutan Pengguna sejak ditubuhkan pada 15 November 1999.

Pengubalan akta baru serta pindaan akta bagi melindungi dan menjaga kepentingan pengguna juga menunjukkan bahawa wujudnya trend kesedaran pengguna di negara ini.

Bagaimanapun, Muhyiddin berkata, tahap kesedaran mengenai hak kepenggunaan di kalangan rakyat negara ini, masih rendah berbanding negara maju.

"Kita menyedari perkara ini dan usaha berterusan dilakukan bagi mendidik dan menyedarkan masyarakat pentingnya mereka mendapat dan melindungi hak mereka sebagai pengguna.

"Masih banyak yang perlu kita lakukan untuk mewujudkan masyarakat pengguna yang benar-benar tahu hak dan tanggungjawab mereka.

"Oleh itu kita mensasarkan hala tuju kepenggunaan di negara ini kepada beberapa perkara, terutama mewujudkan pengguna bermaklumat, matang, bijak dan rasional dalam membuat keputusan.

"Selain itu, kita akan menekankan supaya pengguna sendiri mengambil tindakan bagi memastikan hak mereka terjamin.

"Melalui cara itu, kita berharap untuk mengurangkan fungsi kerajaan dalam menguatkuasakan undang-undang.

Contohnya, kita mahu pengguna mengambil tindakan sebagai satu kumpulan bagi memberikan tekanan terhadap peniaga yang tidak beretika.

"Kita mengharapkan supaya persatuan pengguna akan memainkan fungsi yang lebih aktif dalam gerakan kepenggunaan dan menarik lebih ramai ahli menyertai mereka supaya kuasa mereka menjadi lebih kuat," katanya.

Selain itu, kementerian akan memberikan penekanan kepada penggunaan lestari iaitu penggunaan seimbang di antara keperluan diri sendiri dan orang lain.

Dengan itu, pengguna di Malaysia diharap akan mengamalkan penggunaan sederhana, tidak membazir dan pada masa yang sama memberi keutamaan terhadap kepentingan generasi akan datang.

Contohnya dalam perkara berkaitan dengan alam sekitar dan kebersihan.

Muhyiddin berkata, perkara itu terkandung dalam Dasar Pengguna Negara (DPN) yang sedang dirangka kementerian.

Antara objektif penubuhan DPN ialah:

- * Memastikan tahap perlindungan pengguna yang terbaik dari segi sosioekonomi dan perundangan.

- * Menggalakkan amalan perdagangan yang bertanggungjawab dalam segala aspek yang membabitkan pengguna, khususnya dalam pengeluaran, promosi, penentuan harga dan pemasaran barangan dan perkhidmatan.

- * Memastikan pengguna mendapat pendidikan pengguna sama ada melalui pendidikan formal dan tidak formal.

- * Memastikan globalisasi mempunyai keseimbangan antara pengguna, peniaga dan kerajaan.

- * Mewujudkan hubungan harmoni antara pengguna, peniaga dan gerakan kepenggunaan agar semua pihak mempunyai satu matlamat iaitu mencapai perlindungan pengguna.

Muhyiddin berkata, bagi memastikan DPN berjalan lancar, Kementerian itu akan menggubal Pelan Induk Pengguna pada tahun depan.

Secara dasarnya pelan itu diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dengan peruntukan kajian pembangunan sebanyak RM500,000.

Antara langkah yang diambil untuk mencapai matlamat itu:-

* Pendidikan kepenggunaan.

Program ini dilakukan secara berterusan melalui dialog, ceramah, seminar, bengkel, forum, dan panel perbincangan.

Penubuhan kelab pengguna di sekolah juga adalah salah satu cara bagi membolehkan pendidikan awal diberi kepada generasi muda yang bakal muncul sebagai masyarakat pengguna berilmu pada masa depan.

Penerbitan bahan penerbitan seperti risalah, poster dan majalah kepenggunaan, selain bahan dalam bentuk cakera padat dan video turut digunakan melalui program ini.

* Kempen kepenggunaan.

Kementerian akan mengadakan kempen besar-besaran supaya masyarakat faham mengenai sesuatu isu pengguna.

Contohnya, kempen membanteras cetak rompak dan skim cepat kaya.

Kedua-dua kempen ini dibuat secara berterusan melalui semua saluran supaya setiap lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa mendapat maklumat mengenainya.

* Perundangan.

Kementerian mempunyai 21 akta untuk melindungi kepentingan pengguna. Dari semasa ke semasa, akta itu dikaji keberkesanannya supaya pindaan tertentu dapat dibuat mengikut kehendak dan keperluan semasa pengguna dan negara.

Muhyiddin berkata, Kementerian akan mengambil pelbagai usaha bagi memastikan hak dan kepentingan semua pihak yang terbabit dalam bidang kepenggunaan terjamin.

Katanya, Kementerian tidak berat sebelah dalam melaksanakan fungsinya.

"Kita memberi perhatian sama adil dan saksama kepada pengguna dan peniaga.

Dakwaan bahawa Kementerian ini hanya memberi perhatian dan tumpuan serta membela nasib pengguna saja tidak tepat.

"Peraturan dan penguatkuasaan yang kita jalankan sentiasa mengambil kira kepentingan pengguna dan peniaga.

"Kita yakin melalui cara itu saja kita dapat menggerakkan ekonomi negara dengan lebih berkesan dan pada masa sama tidak mengabaikan kepentingan pengguna.

"Pengguna, badan bukan kerajaan, persatuan peniaga dan persatuan pengguna perlu yakin kepada Kementerian.

"Kita tidak mempunyai apa-apa kepentingan selain memenuhi tanggungjawab terhadap semua.

"Oleh itu kita perlu bertindak selari, bantu-membantu dan bekerjasama supaya dapat membentuk masyarakat pengguna yang benar-benar tahu hak dan tanggungjawab mereka," katanya.

(END)